

Headline	Perkhidmatan kesihatan untuk semua		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	19 Oct 2015	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	297 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 963
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,889



# Perkhidmatan kesihatan untuk semua

Tiada diskriminasi ke atas golongan yang berisiko untuk mendapatkan rawatan

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kesihatan tidak mendiskriminasi mana-mana pihak yang ingin mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kesihatan termasuk pengguna dadah dan penghidap HIV/AIDS, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman. "Menjadi komitmen kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan, tiada sebarang sekatan. Kita tidak membezakan mereka, mereka boleh da-

tang bila-bila masa di mana sahaja untuk mendapatkan perkhidmatan kita," katanya kepada pemberita pada Persidangan Pengurangan Kemudahan Antarabangsa Ke-24 di sini semalam. Persidangan merupakan anjuran bersama Harm Reduction International (HRI) dan Majlis Aids Malaysia. Beliau berkata orang ramai terutama golongan yang terlibat dengan dadah dan penyakit HIV/AIDS tidak perlu berasa takut terhadap stigma masyarakat ter-

**“Bukan menjadi amalan kementerian untuk mengambil tahu atau bertanya sebarang aktiviti atau gaya hidup pesakit jika mereka datang mendapatkan perkhidmatan kesihatan.”**

**Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan

hadap mereka sebaliknya perlu memberi perhatian untuk menjalani pemeriksaan dan mendapatkan

rawatan. "Bukan menjadi amalan kementerian untuk mengambil tahu atau bertanya

sebarang aktiviti atau gaya hidup pesakit jika mereka datang mendapatkan perkhidmatan kesihatan," katanya. Dr Lokman Hakim berkata kementerian tersebut akan meneruskan peruntukan untuk Program Pengurangan Kemudahan Kebangsaan (HRP) dalam usaha mengurangkan kemudahan yang berkait rapat dengan penggunaan dadah yang psikoaktif. Program HRP di Malaysia merangkumi dua bahagian

iaitu Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) dan Terapi Gantian Metadone (MMT). Persidangan empat hari yang bermula hari ini melibatkan kira-kira 1,000 peserta termasuk saintis, ahli politik, pekerja kebajikan, doktor dan aktivis dalam bidang berkaitan. Persidangan sebelum ini diadakan di Vilnius, Lithuania pada tahun 2013; Beirut, Lebanon (2011) dan Liverpool, United Kingdom (2010). — Bernama